

# TPM anggap komen Kuan Yew nakal

**B** ANGI: Datuk Seri Najib Razak, berkata komen Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew bahawa kaum Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik adalah tidak benar sama sekali.

Sambil menyifatkan komen Lee sebagai nakal, Timbalan Perdana Menteri berkata, kenyataan bekas pemimpin itu tidak benar sama ada daripada segi kenyataan politik ataupun hakikatnya.

Katanya, beliau juga tidak tahu apa muslihat Lee mengeluarkan kenyataan sedemikian kerana Menteri Mentor Singapura itu sendiri tahu ia mempunyai implikasi terhadap Malaysia sebagai negara yang berjiran dengan republik berkenaan.

"Ia komen yang kita tidak perlu sama sekali, kita tidak menghargainya langsung," katanya pada sidang media selepas melancar dan menyampaikan bantuan Amanah Saham Bumiputera (ASB) Sejahtera di Institut Kemajuan Desa (Infra) di sini, semalam.

Jumaat lalu, Lee pada forum di luar mesyuarat Bank Dunia-Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Singapura dilaporkan bercakap isu yang menyentuh layanan Malaysia dan Indonesia terhadap kaum Cina di negara masing-masing.

Lee dilaporkan oleh agensi media asing sebagai berkata bahawa sikap Malaysia dan Indonesia terhadap Singapura dibentuk oleh cara layanan mereka terhadap etnik Cina minoriti di negara mereka sendiri.

Beliau mendakwa Malaysia dan Indonesia mempunyai masalah dengan

kaum Cina di negara masing-masing kerana etnik itu berjaya serta bekerja kuat, justeru mereka dipinggirkan secara sistematik.

Najib berkata, tiada sebarang usaha meminggirkan bukan Bumiputera dilakukan di Malaysia sebaliknya kerajaan cuba mengimbangi pencapa-

ian antara Bumiputera dan bukan Bumiputera supaya jurang tidak terlalu lebar.

"Apa pun usaha yang kita lakukan, kita tak pernah amalkan dasar menyekat peluang bukan Bumiputera untuk mara. Apa yang kita mahu capai ialah satu bentuk masyarakat

yang lebih adil serta saksama," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan menyampaikan nota bantahan diplomatik kepada Singapura berikutan kenyataan yang dibuat Lee, Najib berkata, ia terpulang kepada Kabinet untuk menentukannya.